

## **1) INSURANS PANGSAPURI KOS RENDAH**

**Adun :** Y.B. Puan Pua Pei Ling (N37 Bukit Lanjan)

**Kategori :** Bertulis

**Sesi :** 3 (2024)

Sub soalan :

- a) Jelaskan peranan dan tujuan skim insurans pangsapuri kos rendah dan nyatakan cara permohonan?**

Yang Berhormat, Skim Insurans Pangsgupri Kos Rendah merupakan program ‘one-off’ yang telah dilaksanakan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) untuk tempoh tahun 2022 sehingga tahun 2023 yang bertujuan memberi perlindungan takaful kepada pangsgupri. Program ini diperuntukkan sebanyak RM1,432,638.28 oleh Kerajaan Negeri yang mana PNSB Insurance Brooker Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai ejen untuk memberi polisi perlindungan takaful kebakaran melibatkan kilat dan letusan domestik serta takaful kerosakan mesin lif. Disamping itu, polisi insurans ini memberikan perlindungan tambahan iaitu pemberian kerosakan akibat angin kecang atau ribut taufan, paip atau tangki air yang pecah. Polisi insurans ini juga memberi pampasan kerosakan harta benda sekiranya berlaku bencana banjir dalam kawasan pangsgupri di Shah Alam, Klang dan Sepang. Matlamat utama skim ini adalah penjimatan dana baik pulih pihak Kerajaan Negeri dan Badan Pengurusan (JMB/MC) kerana kerosakan bangunan akibat bencana alam dan sebagainya dibiayai oleh polisi insurans. Polisi ini hanya dijalankan dalam tempoh satu (1) tahun sahaja bermula pada 15 September 2022 sehingga 14 September 2023 dan ianya tidak lagi diteruskan pada tahun 2024. Pemilihan pagsapuri bagi skim insurans ini telah dibuat melalui cadangan dari pihak Pesuruhjaya Bangunan Pihak Berkuasa Tempatan dan sebanyak 52 pangsgupri kos rendah telah terpilih.

- b) Berapa permohonan yang berjaya menuntut ganti rugi di bawah skim insurans bagi tahun 2024?**

Berdasarkan rekod semasa tempoh perlaksanaannya, tiada sebarang laporan tuntutan akibat kerosakan bangunan dan lain-lain yang dilaporkan oleh pihak PNSB Insurance Brooker Sdn. Bhd. kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor sepanjang tempoh aktif polisi insurans iaitu pada 15 September 2022 sehingga 14 September 2023.

**c) Adakah skim ini merangkumi kejadian hakisan cerun yang berlaku?**

Polisi Skim Insurans Pangsapuri Kos Rendah ini hanya merangkumi skop perlindungan akibat kebakaran, kerosakan mesin lif, kilat, letusan domestik, angin kencang atau ribut taufan, paip atau tangki air pecah dan kemusnahan harta benda kerana bencana banjir. Skim ini tidak melibatkan perlindungan secara khusus melibatkan hakisan cerun di kawasan pangsapuri.